

DASAR PERLINDUNGAN KURANGKAN DAGANGAN SEDUNIA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 3 APRIL (BE BERNAMA)-- DASAR PERLINDUNGAN IALAH CARA YANG SUDAH PASTINYA, MENGURANGKAN DAGANGAN SEDUNIA DAN MEMISKINKAN LAGI GOLONGAN YANG SEDIA MISKIN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

PASARAN-PASARAN ITU AKAN MENJADI KURANG BUKAN SAHAJA BAGI KELUARAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TETAPI JUGA BARANGAN NEGARA-NEGARA MAJU, KATANYA DALAM UCAPAN DASARNYA DI PERSIDANGAN SEPARUH TAHUN MAJLIS DEWAN PERNIAGAAN AMERIKA KAWASAN ASIA PASIFIK (APCAC) DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DAGANGAN SEDUNIA YANG BERKURANGAN PADA AKHIRNYA, AKAN "MEMISKINKAN KITA SEMUA - NEGARA-NEGARA MAJU DAN MEMBANGUN."

BELIAU MEMUJI USAHA MASYARAKAT PERNIAGAAN AMERIKA YANG MENDORONG KERAJAAN AS KE ARAH MENYEDARI PERLUNYA DIHAPUS DASAR PERLINDUNGAN.

MAJLIS DEWAN PERNIAGAAN AMERIKA KAWASAN ASIA-PASIFIK (APCAC) DENGAN 16 ANGGOTA ITU MEWAKILI KEPENTINGAN KIRA-KIRA 35,000 AHLI PERNIAGAAN DAN 6,500 SYARIKAT PERNIAGAAN DI RANTAU INI.

WALAUPUN TELAH PUN DIPERAKUI AWAM BAHAWA SEKATAN-SEKATAN DAGANGAN PERLU DILONGGARKAN, KERAJAAN-KERAJAAN LEBIH BERGIAT MENGENAKAN PERATURAN-PERATURAN DAGANGAN SEDUNIA, YANG DIDESAK OLEH GOLONGAN-GOLONGAN SAMA YANG MEMINTA DIKURANGKAN CAMPURTANGAN KERAJAAN.--BF BERNAMA